

## IKLAN JAWATAN KOSONG



### **SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (SUHAKAM)**

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) yang ditubuhkan oleh Parlimen di bawah Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 merupakan sebuah institusi kebangsaan hak asasi manusia yang dipertanggungjawab untuk memupuk kesedaran dan mempertahankan hak asasi manusia. SUHAKAM ingin mempelawa warganegara Malaysia yang berinovatif, berdedikasi dan berkeelayakan untuk mengisi jawatan berikut:

1. Jawatan : **KETUA PENOLONG SETIAUSAHA (GRED 48)**
  - **BAHAGIAN KOORDINASI ANTARABANGSA DAN HUBUNGAN MEDIA**
  
- Tanggagaji : RM5,206.00 dan elaun tambahan sebanyak RM1,550.00 sebulan
  
- Taraf Jawatan : Tetap (tidak berpencen)
  
- Lokasi : Kuala Lumpur (Ibu Pejabat)
  
- Kelayakan :
  - i. Ijazah Sarjana Muda atau Ijazah Sarjana dalam bidang Hubungan Antarabangsa, Undang-Undang, Sains Sosial, Komunikasi dan Media atau mana-mana bidang setaraf dari Universiti dan Pusat Pengajian yang diiktiraf oleh Suruhanjaya;
  
  - ii. Calon mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman bekerja dan mempunyai pengetahuan komprehensif yang berkaitan dengan hak asasi manusia, undang-undang antarabangsa, keadilan sosial dan media serta pentadbiran dan kewangan akan mempunyai kelebihan;
  
  - iii. Kredit dalam Bahasa Malaysia (termasuk Ujian Lisan) dan Bahasa Inggeris di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf oleh Suruhanjaya
  
  - iv. Mempunyai kemahiran dalam penulisan laporan dan bertutur dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris;
  
  - v. Mampu bekerja dalam satu pasukan dengan pengawasan minima.

Tanggungjawab : Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Koordinasi Antarabangsa dan Hubungan Media bertanggungjawab, antara lain untuk perkara-perkara berikut:

- i. Mengurus bahagian dan mengawasi pengurusan harian pegawai dan kakitangan;
- ii. Membangunkan, melaksanakan dan memantau pelan kerja tahunan bahagian serta mengawasi belanjawan dan perbelanjaan bahagian;
- iii. Membangunkan dan menyelaraskan perkongsian/hubungan dengan badan hak asasi manusia antarabangsa seperti *South East Asia National Human Rights Institutions Forum (SEANF)*, *Asia Pacific Forum (APF)*, *Commonwealth Forum of National Human Rights Institutions*, *Office of the High Commissioner for Human Rights (OHCHR)* dan *UN Human Rights Council (HRC)*;
- iv. Mengukuhkan jalinan dengan pelbagai pihak berkepentingan seperti agensi kerajaan, organisasi masyarakat sivil, sektor swasta, media dan orang awam secara keseluruhannya;
- v. Merangka dan mengeluarkan kenyataan akhbar mengenai isu-isu hak asasi manusia dan apabila perlu, untuk mengadakan sidang akhbar;
- vi. Memantau berita mengenai hak asasi manusia dan jika perlu mencadangkan kenyataan akhbar dikeluarkan;
- vii. Merancang dan menganjurkan seminar, persidangan dan perbincangan meja bulat dengan pihak berkepentingan yang berkaitan;
- viii. Mewakili Suruhanjaya ke mesyuarat berkaitan.

Jumlah : 1 kekosongan  
kekosongan

## **CARA MEMOHON**

Bagi calon-calon yang berminat boleh mengemukakan surat permohonan yang mengandungi maklumat diri beserta salinan sijil-sijil akademik dan salinan Kad Pengenalan yang telah disahkan serta sekeping gambar berukuran pasport (tidak dikembalikan) **sebelum atau pada 1 Mac 2021 (Isnin)** kepada:

**Setiausaha**  
**Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia**  
**Tingkat 11, Menara TH Perdana,**  
**1001 Jalan Sultan Ismail 50250 Kuala Lumpur.**  
**Laman Web: [www.suhakam.org.my](http://www.suhakam.org.my)**  
**(Untuk Perhatian: Unit Pengurusan Sumber Manusia)**

Sila nyatakan jawatan yang dipohon di sebelah penjuru kiri sampul surat.  
Hanya calon yang disenarai pendek akan dipanggil untuk sesi temuduga.